

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SBU302 ; Asas-Asas Pembangunan Dalam Islam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** dari soalan-soalan berikut.

Jawapan hendaklah **TEPAT** dan **PADAT**.

1. Secara RINGKAS, terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 'western-ethnocentric' dan 'eurocentric' dalam teori-teori pembangunan konvensional. Bagaimanakah pula epistemologi ilmu pembangunan berteraskan Islam?

[100 markah]

2. Secara RINGKAS, sebutkan mazhab-mazhab (school of thought) dalam teori pembangunan konvensional. Bincangkan kritik-kritik Islam terhadap teori-teori pembangunan konvensional ini.

[100 markah]

3. Dalam pembangunan berteraskan Islam, status manusia sebagai manusia mesti dipertahankan. Apakah yang dimaksudkan dengan status manusia dan bagaimanakah ianya dapat dipertahankan?

[100 markah]

4. Menurut Islam, pembangunan ialah buah ibadah. Bincangkan dengan kritis.

[100 markah]

... 2/-

5. Pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam mesti berlandaskan kepada paradigme yang bebas dari paradigme pembangunan konvensional. Bagaimanakah pelaksanaan begini dapat direalisasikan dalam keadaan struktur sosial, ekonomi dan politik di Malaysia sekarang?

[100 markah]

6. Mana lebih berkesan, melaksanakan pembangunan berteraskan Islam 'dari atas' (top-down) atau 'dari bawah' (bottom-up)? Bincangkan dengan kritis berdasarkan kepada SATU contoh empiris.

[100 markah]

- oo oo oo -